



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA
Consumer Price Index
(Jan 2010=100)

DISEMBER dan TAHUNAN
December and Annual
2018




**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT SEBANYAK 0.05 PERATUS
TAHUN-KE-TAHUN PADA BULAN DISEMBER 2018**

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Disember 2018 meningkat sebanyak 0.05 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Disember 2017 disebabkan oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan sebanyak 0.3 peratus. Manakala, harga Bukan Makanan mencatatkan penurunan sebanyak 0.004 peratus.
2. Peningkatan IHP sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh peningkatan harga dan kos Rekreasi dan Kebudayaan (2.0 peratus); Pendidikan (1.7 peratus); dan Makanan dan Minuman Ringan (0.3 peratus). Walau bagaimanapun, ianya diimbangi oleh penurunan harga dan kos Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (1.6 peratus); Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (1.0 peratus); serta Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (0.7 peratus).
3. Harga Rekreasi dan Kebudayaan meningkat berikutan peningkatan harga pakej percutian/haji dan umrah. Manakala, peningkatan kos Pendidikan mengambilkira peningkatan kadar yuran sekolah rendah dan menengah swasta yang terpilih. Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan pula adalah disebabkan oleh peningkatan harga ikan dan makanan laut; minuman berasaskan koko; dan lain-lain produk makanan.
4. Bagi keseluruhan tahun 2018, IHP meningkat sebanyak 0.1 peratus berbanding dengan 2017. Indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 1.9 peratus manakala Indeks Bukan Makanan menurun sebanyak 0.3 peratus.
5. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Disember dan Tahunan 2018 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE: www.depd.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (2010 = 100)

Divisyen	Kewajaran (%)	Indeks	Perubahan (%)	
		Dis 2018	Dis 2018 / Dis 2017	Jan-Dis 2018 / Jan-Dis 2017
INDEKS KESELURUHAN	100.0	99.1	0.05	0.1
Makanan dan Minuman Ringan	19.1	101.5	0.3	1.9
Pakaian dan Kasut	4.2	83.8	-0.8	-4.4
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	11.1	96.1	-0.7	-0.5
Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah	11.0	93.3	-1.6	-0.9
Kesihatan	1.3	102.1	2.5	1.6
Pengangkutan	18.8	99.0	0.1	-0.2
Perhubungan	6.0	100.1	-0.2	0.4
Rekreasi dan Kebudayaan	9.1	101.5	2.0	0.2
Pendidikan	3.9	110.8	1.7	1.8
Restoran dan Hotel	8.9	103.3	0.4	0.5
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	6.5	99.6	-1.0	-0.4





MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 0.05 PER CENT YEAR-ON-YEAR
IN DECEMBER 2018**

1. *The Consumer Price Index (CPI) in December 2018 increased by 0.05 per cent year-on-year compared to December 2017 due to an increase in prices of Food and Non-Alcoholic Beverages by 0.3 per cent. Meanwhile, Non-Food prices decreased by 0.004 per cent.*
2. *The CPI increase was largely attributed to increases in the prices and costs of Recreation and Culture (2.0 per cent); Education (1.7 per cent); and Food and Non-Alcoholic Beverages (0.3 per cent). However, this was moderated by decreases in prices and costs of Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (1.6 per cent); Miscellaneous Goods and Services (1.0 per cent); as well as Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (0.7 per cent).*
3. *Prices of Recreation and Culture increased following the rise in prices of package holidays/pilgrimages. Meanwhile, the increase in the cost of Education is attributed to the increase in school fees of primary and secondary education in selected private schools. The increase in prices of Food and Non-Alcoholic Beverages was due to the increase in prices of fish and seafood; cocoa based beverages; and other food products.*
4. *For the whole of 2018, the CPI increased by 0.1 per cent compared to 2017. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index increased by 1.9 per cent while the Non-Food Index decreased by 0.3 per cent.*
5. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for December and Annual 2018 is available from DEPD's website: www.depd.gov.bn.*

CONSUMER PRICE INDEX (2010 = 100)

Divisions	Weights (%)	Index	Change (%)	
		Dec 2018	Dec 2018 / Dec 2017	Jan-Dec 2018 / Jan-Dec 2017
OVERALL INDEX	100.0	99.1	0.05	0.1
Food and Non-Alcoholic Beverages	19.1	101.5	0.3	1.9
Clothing and Footwear	4.2	83.8	-0.8	-4.4
Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels	11.1	96.1	-0.7	-0.5
Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance	11.0	93.3	-1.6	-0.9
Health	1.3	102.1	2.5	1.6
Transport	18.8	99.0	0.1	-0.2
Communication	6.0	100.1	-0.2	0.4
Recreation and Culture	9.1	101.5	2.0	0.2
Education	3.9	110.8	1.7	1.8
Restaurants and Hotels	8.9	103.3	0.4	0.5
Miscellaneous Goods and Services	6.5	99.6	-1.0	-0.4

